



## SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GURUN, 08300 GURUN, KEDAH DARUL AMAN.

### **TUGASAN MUSIM CUTI 2012**

Arahan: Jawab semua soalan mengikut format PMR.

#### **Soalan A(i) - Ringkasan**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut tulis sebuah ringkasan tentang **kesan peningkatan suhu bumi**. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Peningkatan suhu bumi dikaitkan dengan perubahan iklim global semakin mendapat perhatian pelbagai pihak berikutan banyak bencana besar di luar jangkaan melanda seluruh dunia. Akibat fenomena ini hujan lebat akan turun pada jangka masa yang agak lama. Hal ini akan menyebabkan banjir yang luar biasa melanda di kawasan-kawasan tertentu. Banjir besar di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan baru-baru ini dikaitkan dengan fenomena ini.

Sebaliknya pada masa-masa tertentu kemarau akan berlaku di sesetengah tempat. Kajian oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendapati kemarau telah meningkat sebanyak 30% sejak awal tahun 70-an. Kesannya, bekalan air di seluruh negara pasti akan terjejas. Di Malaysia, Jabatan Meteorologi telah memberi amaran kepada semua pihak agar bersedia menerima keadaan ini.

Selain itu, berlaku juga peningkatan aras laut yang agak luar biasa. Aras laut dunia semakin meningkat pada purata satu hingga dua milimeter setahun sepanjang 100 tahun kebelakangan ini. Peningkatan aras laut mengancam kawasan rendah dan pantai. Para saintis mendapati keadaan yang tidak menentu itu boleh dikaitkan dengan penghasilan gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan metana. Taufan luar biasa yang berlaku di seluruh dunia kini merupakan akibat gejala ini. Ribut pada hari ini semakin banyak berlaku dan semakin ganas. Misalnya taufan yang melanda Filipina, Indonesia dan Amerika Syarikat.

Kesan suhu yang meningkat juga akan menyebabkan fenomena pencairan ais. Kajian saintis menunjukkan dalam tempoh 30 tahun lebih 259 hektar ais di seluruh kutub telah hilang. Peningkatan suhu yang mendadak memudahkan wabak penyakit berbahaya tersebar dengan meluas. Kita melihat penyakit yang dibawa oleh nyamuk seperti demam denggi semakin meningkat di negara kita. Kesan fenomena cuaca yang sebegini juga akan menjaskan psikologi manusia. Jiwa dan emosi manusia akan mudah tertekan. Hal ini boleh menyebabkan meningkatnya kes jenayah yang melibatkan perlakuan yang agresif, seperti bunuh, buli dan dera.

**(Dipetik dan disesuaikan daripada ‘Fenomena Pemanasan Global’ Berita Harian, 17 Februari 2007)**

### Bahagian A(ii) - Pemahaman

Berdasarkan petikan bahagian A (i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.


1. Apakah maksud rangkai kata semakin ganas? [2 markah]

2. Berdasarkan petikan, nyatakan dua punca berlakunya peningkatan suhu bumi.  
[4 markah]

3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesan peningkatan suhu bumi?  
[4 markah]

### Bahagian B – Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

Berdasarkan rajah di bawah,uraikan pendapat anda tentang cara mengatasai kesesakan jalan raya. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



### **Bahagian C – Karangan Respons Terhad**

Tulis sebuah karangan. Karangan anda hendaklah tidak kurang daripada 180 perkataan.

Amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat kita semakin luntur. Oleh sebab itu, anggota keluarga memainkan peranan penting dalam memupuk amalan berbudi bahasa tersebut. Jelaskan usaha-usaha yang dapat anda dan ahli keluarga anda lakukan untuk memupuk amalan berbudi bahasa.

### **Bahagian D – Kajian Novel**

Berdasarkan novel yang anda kaji semasa di tingkatan 1, 2 dan 3, nyatakan satu perwatakan yang paling menonjol dalam watak utama bagi ketiga-tiga novel tersebut. Perwatakan yang anda nyatakan haruslah disokong dengan contoh peristiwa yang lengkap.